

SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU TASAWWUF

Ilmu tasawuf yang hakiki tidak syak lagi ialah suatu ilmu yang sangat besar kesannya kepada didikan batin, bukan sahaja membentuk budi pekerti yang halus bahkan membawa manusia meningkat tinggi dari alam haiwan ke alam malaikat yang suci murni- Pengarang.

(Oleh Abu Mansur)

Bersalah-salahan penyelidik-penyelidik tentang perkataan “sufi”, ada yang berkata berasal daripada perkataan *al-Ṣafā’* (kebersihan atau kejernihan), ada pula yang berkata daripada “*al-Ṣafā’*” (serambi masjid Rasulullah) yang pernah menjadi tempat berkumpul kaum Muhajirin yang fakir miskin. Di dalamnya mereka beribadat dan daripadanya mereka keluar berjihad menentang musuh bersama-sama Nabi (SAW). Jumlah mereka tujuh puluh orang dan jumlah ini pernah bertambah dan berkurang tetapi Sayyidina ‘Umar dalam masa menjadi khalifah telah mengeluarkan mereka dari situ dengan alasan kaum Islam pada masa itu telah mulai hidup makmur dan tidak ada sebab yang membolehkan mereka menumpang di serambi masjid itu lagi.

Abū Naṣr ‘Abdullāh bin ‘Alī al-āj al-Ṭūsī (wafat pada 378H-988M) telah berkata di dalam kitabnya “*al-Luma’*” yang dicetak di Leiden pada tahun 1914 dengan diusaha dan ditashihkan oleh pendeta “Nicholin” orientalis Inggeris yang terkenal: “Adapun orang yang berkata bahawa “*al-ṣūfiyah*” itu ialah nama yang telah direka oleh orang Baghdad maka itu adalah mustahil, kerana pada zaman Ḥassan al-Baṣrī yang wafat pada tahu 110H nama ini telah terkenal. Sedang Ḥassan al-Baṣrī itu telah sempat berjumpa dengan beberapa orang sahabat Nabi (SAW), dan ia pernah berkata: “Saya berjumpa seorang “sufi” dalam tawaf lalu saya berikan kepadanya suatu benda tetapi ia telah enggan menerimanya

dan berkata: Saya ada empat “duanik” maka cukuplah apa yang ada kepada saya itu”.

Abū Sufiyyān al-Thawrī (wafat 161H) pula berkata: “Jika tidaklah kerana Abū Hāshim al-Ṣufī, tidaklah saya mengetahui akan makna riyak dengan sehalus-halusnya”. (Adalah dikatakan bahawa Abū Hāshim inilah orang yang mula-mula bergelar dengan gelaran “al-Ṣufī”).

Loui Masinon (orientalis Perancis) dalam kitabnya “*Majmū’ Nuṣūṣ Lam Yasbiq Nashiruha Muta’allaqah bitārīkh al-taṣawwūf fī Bilādil Islām*” yang telah dicetak pada tahun 1914 di Paris, berkata ketika menyebut perihal “Abduk al-Ṣufī” (wafat 210H-825HM) bahawa ia: “Seorang yang mengasingkan diri, anak Baghdad, dan ialah yang mula-mula bergelar dengan al-Ṣufī sedang kalimah “sufi” pada masa itu menjadi cogan kaum Shī’ah yang zuhud di Kufah, dan juga sebahagian pemberontak di Iskandariah. Ia (Abduk) terhitung daripada orang-orang Zandik, disebabkan ia enggan makan daging”.

Setengah penyelidik pula memandang bahawa kalimah “sufi” adalah luar dari kalangan Islam. Pendeta Baron (Inggeris) berkata: Bahawa asal kalimah itu dari Bashmina Bush (Bahasa Parsi) yang bermakna: Memakai pakaian dari kain bulu. Doktor Comb pula berkata bahawa kalimah (sufi) berasal dari bahasa Hindi. Pengarang kitab “*al-Luma’*” mengatakan kalimah itu dari zaman jahiliyah

iaitu nama rekaan yang tidak dikenal oleh sahabat dan tabiin.

Puak yang mengatakan asal kalimah itu pecahan daripada kalimah “sauf” (kain bulu) telah disokong oleh dua orang pendeta Barat: Kaliman Hiwar dan Kara De Pow.

Kara De Pow mengatakan asal perkataan itu daripada kalangan masihi, kerana paderi-paderi pada zaman tua berkelaziman memakai kain bulu dan memandang pakaian yang tersebut sebagai syarat yang utama bagi sifat zuhud. Ini bersesuaian dengan yang diriwayatkan oleh Abū al-Firaj al-Ya‘qūbī di dalam kitabnya “*Tārikhul Ustratil Maalikah*” mengatakan bahawa mihraj Byzantin (Rom Timur) telah menjadi seorang ahli pertapaan lalu memakai kain bulu. Pendeta Kara De Pow juga menyokong fahamnya ini dengan keterangan Hujjat al-Islām al-Ghazālī yang mengatakan bahawa kaum sufi itu ialah “aṣḥābus ṣūfi” (pemakai pakaian daripada kain bulu). Lihat kitab “*Iḥyā’ ‘Ulūmuddīn*” juzuk yang ketiga, muka 243.

Al-Qushayrī pula- seperti yang disalin oleh Ibn Khaldūn di dalam kitab “*Muqaddimah*”nya berkata: “Tidak ada yang menunjukkan bahawa nama (sufi) ini ialah pecahan dari Bahasa Arab atau kiasan yang jelas kepada kita hanya ia suatu gelaran. Ada pula qawl yang mengatakan pecahan daripada kalimah “*ṣufā*” (hening jernih) atau “*al-ṣuffah*” (serambi masjid Nabi di Madinah) maka tafsiran ini adalah jauh dari segala kiasan bahasa”. Dan berkata lagi: “Demikian pula bukan juga daripada *al-ṣūf* (kain bulu) kerana mereka (ahli sufi) tidak tertentu dengan pakaian itu.”

Keterangan al-Qushayrī ini telah diulas oleh Ibn Khaldun, katanya: “Jika dikata berasal dari pecahan kata-kata arab, maka yang lebih nyata kepada saya ialah dari kalimah “*al-ṣūf*” (kain bulu), mereka (ahli sufi) pada ghalibnya tertentu dengan pakaian kain bulu kerana biasanya mereka tidak bersamaan dengan orang ramai pada memakai

pakaian dari kain yang mahal-mahal”.

Jarjī Zaydān pula dalam kitabnya “*Adabul Lughatil Arabiah*” berkata: Kalimah sufi itu “ialah pecahan daripada kalimah yang berasal dari bahasa Greek tua iaitu “sufia” yang bermakna “ilmu hikmah”, maka menjadilah golongan ahli sufi bergelar dengannya, nisbah kepada ilmu hikmah, kerana mereka biasanya menyelidik dalam apa yang mereka ucapkan atau apa yang mereka tulis dengan bahasanya yang berdasarkan falsafah. Dalilnya, ialah bahawa mereka tidak timbul di dalam masyarakat dengan ilmu pengetahuan mereka yang tersebut, dan tidak terkenal dengan sifat itu melainkan kemudian daripada diterjemahkan kitab-kitab Greek tua ke dalam bahasa Arab, dan masuknya lafaz falsafah itu di dalamnya.”

Meskipun faham yang demikian telah ditolak oleh Doktor ‘Alī al-‘Unānī di dalam kitabnya “*al-Falsafah al-‘Arabiyah*”, tetapi Doktor Muḥammad Ghilāb guru falsafah di Kuliah Usuluddin-al-Azhar telah menyatakan di dalam rencananya yang bertajuk “*al-Taṣawwūf wal Mutaṣawwifūn*”: Tidak ada mani’ daripada menerima faham yang tersebut- “Yakni faham yang mengatakan kalimah “sufi” berasal dari kalimah “sofia” yang berasal bahasa Greek tua.

Walaupun bagaimanapun tetapi perkara yang tidak ada syak lagi ialah golongan ahli ibadat ini tidak bergelar dengan “sufi” melainkan dalam pertengahan kurun hijrah yang kedua. Adapun sebelum itu maka mereka terkenal dengan nama “al-Zihād” (orang-orang yang zuhud) atau “al-‘Ibād” (ahli ibadat). Golongan ini sudah ada semenjak zaman Nabi (SAW) sedang Nabi dan sahabat-sahabat tidak menyalahi mereka tentang mereka berlaku zuhud itu, bahkan telah dibiarkan dan telah dihormati dan diutamakan mereka daripada orang-orang yang bersedap-sedap dengan kemewahan, bahkan banyak sahabat-sahabat Nabi telah mengiktiraf keramat (kelebihan) mereka dan ilmu makfirah mereka yang tidak tercapai oleh orang ramai Islam amnya.

Takrif Ilmu Tasawwuf

Ibn Khaldūn, telah menulis di dalam kitab “Muqaddimah”nya tentang ilmu tasawwuf: “Ilmu ini adalah dari ilmu-ilmu syarak yang wujud di dalam agama, pada asalnya ialah daripada perbuatan tekun beribadat dan berpusat semata-mata kepada Allah Ta’ālā, berpaling daripada kemewahan dunia dan perhiasannya, zuhud daripada apa yang menjadi tumpuan orang ramai, baik tentang bersedap-sedapan, kekayaan ataupun kebesaran, serta mengasingkan diri daripada orang ramai kerana beramal ibadat. Bawaan yang demikian adalah rata-rata diamalkan oleh sahabat dan salaf, tetapi apakala timbul perbuatan gemarkan dunia pada kurun hijrah yang kedua dan kemudian daripada itu, dan orang ramai pun bertumpu kepada kemewahan dunia. Maka orang-orang yang bertumpu semata-mata kepada ibadat telah tertentu dengan nama “*al-ṣūfiyah*” dan “*al-Mutaṣawwifah*”.

Al-Shaykh al-Sha’rānī, di dalam kitab “*al-Ṭabaqāt*” pula berkata: “Jalan ahli sufi adalah terikat dengan Quran dan sunnah. Dan terbina di atas perjalanan akhlak Nabi-Nabi dan orang-orang pilihan”.

Muḥammad Bin ‘Alī al-Qiṣāb, guru kepada “Al-Junīd” (ahli sufi yang masyhur) telah ditanya tentang makna “*al-ṣūfiyah*” lalu dijawab; “Akhlak yang mulia, yang telah zahir dalam zaman yang mulia. Daripada seorang yang mulia, bersama-sama dengan kaum yang mulia”.

Dalam kitab “*Dā’iratul Ma’ārif*”, al-‘Allamah Muḥammad Farīd Wajdī telah menerangkan “ilmu tasawwuf” itu katanya: “Tasawwuf itu ialah suatu mazhab yang bertujuan membersihkan hati daripada sesuatu yang lain daripada Allah, dan membawa roh naik ke alam suci dengan ibadat yang ikhlas kepada Allah. Yang demikian ini memang sudah wujud sama lamanya seperti al-Birūnī yang mewujudkannya, kerana manusia semenjak beribu-ribu tahun dahulu telah mengetahui bahawa di sebalik lapan jed ini ada rahsia yang tersembunyi, maka timbullah mazhab ini iaitu telah terkenal di India dan di negeri China semenjak beribu-ribu tahun, orang-orang India

yang bermazhab dengannya ada mempunyai cara-cara yang sangat ketat dan keras di atas diri seseorang yang menjadi ahli itu”.

Pendeknya tasawwuf Islam yang telah terkenal semenjak zaman Nabi (SAW) telah berjalan menurut keadaannya yang semula jadi sehingga banyak sahabat-sahabat Nabi yang telah cenderung kepada zuhud dan berpaling daripada dunia orang-orang yang menurut jalan ini makin sehari makin bertambah banyak lalu timbul berbagai-bagai fahaman sehingga terkenal dalam kurun hijrah yang ketiga: Al-Mahāsī dan Dhū al-Nūn al-Maṣrī yang telah mulai mengupas perihal alam batin dan perjalanan tasawuf.

Satu-satu bahasan yang telah dibahaskan di dalam ilmu tasawwuf ini ialah “Fahaman Perpaduan Hamba Dengan Tuhan” (*Naṣriyat al-Ithād*). Orang yang mula-mula menganjurkan fahaman ini ialah Bayazid al-Basthami, kemudian datang al-Junayd dan al-Ḥallāj yang telah mengangkat fahaman itu memuncak tinggi.

Fahaman ini ialah sehalus-halusnya perkara dalam ilmu tasawwuf, yang mengandungi bahawa perpaduan ahli sufi itu membawa kepada bersekutu dengan zat Allah Ta’ālā dan penyerapan al-Lāhūt di dalam al-Nāsūt, serta penerimaan sesuatu yang ketuhanan di dalam diri seseorang hamba. Meskipun al-Quran tidak menerangkan sama sekali tentang fahaman ini tetapi penyokong-penyokong fahaman itu tidak kekurangan helah pada menguatkannya dengan setengah ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Nabi, seperti firman Allah Taala:

“*Naḥnu aqrabu ilayhi min ḥablul warīd*”.

Ertinya: “Kami (Tuhan) lebih hampir kepadanya (manusia) daripada urat merah”.

“*wa huwa ma’akum aynamā kuntum*”.

Ertinya “ Ia (Tuhan) bersama-sama kamu barang di mana kamu berada”.

“*Ma yakūna min najwā thalāthatul ahwa rā bi’uhum wa la*

sambungan pada muka 23

sambungan muka 8.

khamsatur illā huwa sādisuhum walā adnā min dhalika wa la akbar ul-huwa ma'ahum".

Ertinya: "Tiadalah berbisik tiga orang melainkan Ia (Tuhan) yang keempatnya, dan tiada pula lima orang melainkan ia yang keenamnya, dan tiada kurang daripada yang demikian dan tiada pula lebih melainkan ia beserta mereka".

Mereka juga menguatkan hujah mereka dengan hadis Nabi (SAW) seperti sabdanya di dalam hadis Qudsi:

Mā taqarrabu illā al-mutaqarribūna bimithli adā 'an ma iftaraḍu 'alayhīm, wa la yazālul 'abdi yataqarrabu illā yuhibbunī wa uhibbuhū, faidhā aḥbabuhū kuntu sam 'ul laddhī yasma'u bihi wa baṣarahulladhī yabṣirbihi.

Ertinya: "Tiadalah mendampingi diri kepada aku oleh orang-orang yang mendampingi diri dengan hanya menunaikan apa yang aku telah fadhukan atas mereka, dan tiadalah putus hambaku itu mendampingi diri kepada aku dengan ibadat-ibadat sunat, sehingga ia kasih akan daku dan aku kasih akan dia, maka apabila aku kasih akan dia menjadilah aku pendengaran yang ia mendengar dengannya dan penglihatan yang ia melihat dengannya".

Fahaman yang mengatakan yang Tuhan boleh menyerap ke dalam tubuh seseorang ahli sufi (*naḥriyatul ḥulūl*) seperti yang tersebut di atas telah ditentang dengan keras oleh al-Ashā'irah (pengikut mazhab al-Ash'arī)- dengan mengatakan bahawa tasawuf itu adalah perkara batin dan akhlak yang diamalkan yang akan membawa seseorang itu meningkat tinggi kerdarjat kesempurnaan (al-Kamal- dengan tidak membawa kepada mazhab "al-ḥulūl" (penyerapan Tuhan di dalam diri hamba-Nya) seperti yang dianjurkan oleh al-Ḥallāj.

Setelah itu datang pula al-Ghazālī di dalam kitabnya "*Ihya' 'Ulūm ad-dīn*" lalu menolak terus fahaman al-Ḥallāj itu, kerana al-Ghazālī memandang bahawa ilmu hati adalah tetap seperti tetapnya benda-benda yang dilihat dan dirasa, disebabkan

wujudnya dua alam: Alam batin dan alam zahir. Maka jika setengah ilmu pengetahuan dapat mengupas alam zahir dengan pengajian dan huraian, maka tak dapat tiada wujudnya sesuatu ilmu khas bagi menerangkan alam batin pula, iaitulah ilmu makrifah yang menjadi tujuan tasawuf yang utama. Adapun kesatuan atau perpaduan hamba dengan Tuhan 'Azza Wa Jalla maka itu adalah suatu perkara yang tertolak dari segala akal, dan tidak diterima dari segala naqal-Quran dan hadis.

Apabila diselidiki perjalanan tasawuf "al-Fārābī" (ahli tasawwuf yang terkenal), akan didapati bersesuaian dengan perjalanan tasawuf al-Ghazālī iaitu menolak fahaman "al-ḥulūl" (perpaduan hamba dengan Tuhan) sebagaimana yang difahamkan oleh al-Ḥallāj.

Sayogia diingat kerana fahamnya yang menyalahi syarak ini, al-Ḥallāj dan beberapa orang ahli sufi telah dijatuhkan hukum bunuh.

Menurut ahli-ahli penyelidik, adapun sebab rosaknya fahaman tasawwuf yang pada mulanya berdasar membersihkan diri batin, sehingga telah tergelincir kepada beberapa fahaman yang menyalahi syarak ialah kerana telah serap didalamnya fahaman-fahaman dari Greek tua, India dan lain-lainnya. Fahaman-fahaman membuang dunia yang demikian inilah yang telah melumpuhkan tenaga umat Islam dan bertentang dengan ajaran Islam yang menghendaki pemeluknya hidup kuat, gagah dan bebas merdeka mengembangkan ajaran Islam ke segenap pelosok dunia.

Tidakkah Tuhan 'Azza wa Jalla berfirman:

Wa 'adwā lahum mās tata'tum min quwwatin wa min ribāṭil khayl turhibūna bihi 'adūllah wa 'aduwwukum.

Ertinya: "Sediakanlah kamu bagi mereka (musuh) sedaya upaya kamu akan kekuatan (segala jenis kelengkapan perang) serta kuda askar, supaya kamu dapat menggerunkan dengannya musuh Allah dan musuh kamu.

Sedang perintah suci ini tidak akan dapat ditunaikan

melainkan dengan mempelajari segala jenis ilmu pengetahuan, membongkar khazanah bumi, membangunkan tempat-tempat perusahaan dan mendirikan negara Islam yang sanggup menjalankan hukum-hukum Islam.

Perjalanan tasawwuf itu makin bertambah kacau apabila telah dimasuki oleh berbagai-bagai fahaman. Berkenaan ini Ibn Khaldūn berkata:

“Golongan ahli sufi yang mendatang kemudian, yang telah mengeluarkan fikiran tentang “kasyaf” (melihat benda-benda yang ghaib) telah melapau dalam perkara itu, sehingga banyak di antara mereka membawa faham “ḥulūl” (bersatu hamba dengan Tuhan) seperti yang telah kita sebutkan di atas, lalu mereka memenuhkan kitab-kitab dengan fahaman itu seperti yang dibuat oleh al-Hurūrī di dalam kitab “*al-Maqāmāt*” dan lain-lainnya, dan diikuti oleh Ibn al-‘Arabī dan

Ibn Sab‘īn serta murid-murid keduanya: Ibn al-‘Aff, Ibn al-Fārīd, dan al-Najam al-Isrā’īlī di dalam syair-syair mereka. Setengah daripada mereka pernah bercampur gaul dengan firqah Ismailiyyah dan golongan Rafidhi pihak mutaakhirin, yang mereka juga berfaham dengan faham “ḥulūl” dan mempertuhankan imam-imam mereka iaitu suatu mazhab yang tidak terkenal kepada golongan sufi yang dahulu-dahulu. Kedua-dua golongan ini pun berambil-ambilan mazhab dan bercampur-baur kata-kata mereka serta bersamaan iktikad mereka, dan semenjak itu terbit di dalam kata-kata ahli sufi “Qawl” yang mengagung-agungkan “qutub” (ketua ahli makrifah) iaitu mereka menyatakan tidak ada siapa-siapa yang arif sepertinya sehinggalah ia meninggal dunia, lalu tempatnya diduduki oleh seorang ahli makrifah yang lain pula”.

TELEPHONE 161
تليفون 161

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarlah dengan Pos

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu
penuntut-penuntut baharu diterma
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR
KUALA KANGSAR**